

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Majlis Belia Brunei

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



**KILANAS**, Sabtu, 24 Julai. - Seramai 33 orang penduduk Mukim Kilanas menerima agihan daging korban sempena Majlis Ibadah Korban Hari Raya Aidiladha anjuran Majlis Belia Brunei (MBB) yang berlangsung di kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari selaku

**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengagihkan daging korban kepada penerima.

Yang Dipertua MBB, baru-baru ini. Pengagihan yang melibatkan tiga ekor sapi tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat.

Selain itu, daging-daging korban juga turut diagihkan kepada para penerima di beberapa buah mukim di Daerah Brunei dan Muara oleh para sukarelawan.

Majlis tersebut, antara lain bertujuan untuk membina ukhuwah dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat bersama Ahli-ahli MBB juga meneruskan pengagihan pada sebelah petang di Kampung Sungai Pandan.

## Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kawasan 2

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**LAMBAK KANAN**, Sabtu, 24 Julai. - Ibadah korban yang dilaksanakan oleh umat Islam bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha setentunya hanya semata-mata bagi meraih ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala melalui ibadah tersebut. Ganjaran pahala yang diperoleh itu semestinya melalui pengagihan

daging-daging korban terutama bagi mereka yang berhak menerimanya.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kawasan 2, mengadakan Majlis Pengagihan Daging Korban bagi penduduk kampung berkenaan, baru-baru ini.

Majlis berlangsung di rumah kediaman Pemangku Ketua Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kawasan 2, Awang Haji Omar bin Haji Sapar selaku Pengerusi Majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' yang juga mengagihkan daging-daging korban kepada peserta-peserta ibadah korban.

Turut hadir ialah ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku ketua kampung dari kawasan Mukim Berakas 'B' dan sekitarnya. Seramai 14 peserta terdiri daripada Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kawasan 2 dan sekitarnya menyertai korban



**YANG** Berhormat Ahli MMN selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' mengagihkan daging korban kepada peserta ibadah korban.

## Majlis Belia Brunei



**YANG** Berhormat Ahli MMN mengagihkan daging korban kepada penerima.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 24 Julai. - Lebih daripada 130 buah keluarga menerima sumbangan daging korban pada Majlis Ibadah Korban Hari Raya Aidiladha anjuran Majlis Belia Brunei.

Dengan mengorbankan tiga ekor sapi, seramai 50 orang penerima sumbangan dari Mukim Burong Pingai Ayer menerima sumbangan berkenaan yang berlangsung di rumah persendirian Pengarah Haji Abdullah Sunny bin Haji Abu Bakar di Kampung Sungai Pandan, Kampong Ayer, baru-baru ini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian

daging korban kepada para penerima, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Acara juga diselenggarakan dengan sumbangan khas kepada anak-anak yatim dan asnaf melalui Projek #INFAQ1.

Pengagihan juga dibuat kepada para penerima di beberapa buah mukim di Daerah Brunei dan Muara oleh para sukarelawan yang antara lain bertujuan untuk membina ukhuwah dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

tersebut di mana dua ekor sapi telah dikorbankan. Daging korban selebihnya juga diagih-agihkan kepada 25 fakir miskin melalui kaedah pandu lalu (drive-thru).



**ANTARA** yang hadir pada Majlis Pengagihan Daging Korban bagi penduduk Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kawasan 2.

## Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**GADONG**, Sabtu, 24 Julai. - Sebagai sebuah platform pelaksanaan ibadah yang sangat dituntut dalam Islam, khususnya di sepanjang Hari-hari Tasyrik, 11 Zulhijah hingga 13 Zulhijah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1442 Hijrah yang diadakan di Dewan Gimnasium, UNISSA, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban dan aqiqah, Rektor UNISSA, Dr. Haji

Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik dan kakitangan UNISSA.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil Mingguan, diikuti dengan penyampaian tazkirah yang membawakan tajuk : Hikmah Ibadah Korban yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr. Hafini bin Mahmud.

Sebanyak lima ekor kerbau dan dua ekor kambing disembelih dan daging-daging korban kemudiannya diagih-agihkan

**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima pada Majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1442 Hijrah.

kepada lebih kurang 200 penerima pada tahun ini.

Antara lain majlis tersebut diadakan sebagai amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala di samping ganjaran pahala berlipat ganda. Sesungguhnya ibadah



korban menjadi salah satu ukuran dan mencerminkan tanda syukur aspek ketakwaan seorang hamba terhadap nikmat Allah.